A

Pendakwa Raya lwn Nicolas Kee Ma

B MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO CB-45SOM-4–12 TAHUN 2019
ROSLAN MAT NOR PK
13 DISEMBER 2021

C *Prosedur Jenayah — Penyeludupan migran — Perayu dituduh dengan pertuduhan menyeludup migran — Sama ada pertuduhan terhadap tertuduh adalah defektif dan cacat — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan penyeludupan migran berlaku — Sama ada tertuduh menerima keuntungan*
D *daripada kegiatan menyeludup — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh — Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 s 26D — Kanun Tatacara Jenayah s 180*

E Tertuduh telah didakwa di bawah s 26D Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta tersebut') atas tuduhan telah mendapatkan keuntungan daripada penyeludupan migran yang diseludup iaitu 15 orang warganegara Myanmar. Peguam tertuduh telah membangkitkan isu berkenaan dengan pertuduhan yang cacat. Ia adalah ekoran daripada
F maklumat yang terdapat di dalam pertuduhan yang menyatakan bahawa tertuduh mendapat keuntungan daripada penyeludupan migran yang diseludup iaitu 15 orang warga Myanmar. Di dalam pertuduhan tersebut tidak menyatakan adanya kesalahan penyeludupan migran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 26A Akta tersebut. Ia adalah diasaskan atas hujahan
G bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan sama ada 15 orang migran warga Myanmar yang dibawa masuk oleh SP6 ke negara ini telah dibawa masuk secara sah atau sebaliknya. Peguam tertuduh menegaskan bahawa kehadiran tertuduh di tempat kejadian hanyalah sebagai penterjemah bagi warga Myanmar yang ingin diserahkan kepada SP2. Ini disebabkan warga
H Myanmar tersebut tidak boleh berbahasa Melayu dan hanya tertuduh sahaja yang boleh berbahasa Melayu.

Diputuskan, membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri:

I (1) Sekiranya dilihat kepada pertuduhan, ia adalah berkaitan dengan kesalahan mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran. Itu bermakna bahawa pihak tertuduh telah dengan jelas dapat melihat bila kejadian itu berlaku, apakah jenis kesalahan yang dilakukan dan ini telah mencukupi pada pandangan mahkamah untuk tertuduh

membuat pembelaan yang sewajarnya terhadap pertuduhan tersebut. Ia bukannya satu pertuduhan yang kabur, yang tidak jelas di mana kejadiannya, apakah kesalahannya sehingga menyukarkan tertuduh mengemukakan pembelaannya. Mahkamah berpendapat sesuatu pertuduhan tidak harus mempunyai butiran yang tidak berkaitan sehingga menyebabkan segala fakta dan maklumat dan takrifan-takrifan dimasukkan di dalam pertuduhan tersebut. Jika ia dilakukan ia mungkin boleh menyebabkan pertuduhan menjadi tidak teratur dan tidak jelas. Sebaliknya, dalam kes semasa, pertuduhan adalah jelas dan teratur dan sukar untuk menyatakan ianya tidak teratur. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan tertuduh bahawa pertuduhan di dalam kes adalah cacat (lihat perenggan 16–17).

(2) Mahkamah mendapati bahawa takrifan 'penyeludupan migran' adalah luas dan tidak wajar dipersempitkan. 'Keuntungan' di bawah s 26D Akta tersebut bukan hanya semata-mata merujuk kepada kewangan. Sebaliknya, ia meliputi manfaat yang lebih luas yang bukan dalam bentuk fizikal semata-mata. Mahkamah berpendapat sekiranya pihak pendakwaan perlu menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan penyeludupan migran tersebut berdasarkan kepada keterangan yang ada, tiada keterangan yang dapat menyokong bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan langsung atau maklumat berkenaan urusan penyeludupan migran yang akan dijalankan di tempat kejadian. Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dengan kesalahan penyeludupan migran tersebut. Ia ditambah pula dengan keterangan deposisi yang dibuat di hadapan hakim Mahkamah Sesyen Raub ('SP5') yang mengesahkan bahawa warga Myanmar tersebut tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Keadaan di mana lelaki tersebut ditempatkan di dalam sebuah bas, perjumpaan yang dibuat di tempat yang tidak sepatutnya untuk penyerahan warga Myanmar tersebut sudah memadai untuk dinyatakan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dengan aktiviti penyeludupan migran tersebut (lihat perenggan 23, 26 & 33).

(3) Mahkamah mendapati keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh sebenarnya telah menikmati keuntungan tidak berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan dan keterangan-keterangan serta kesimpulan yang dibuat oleh mana-mana pihak. Mahkamah tidak boleh memutuskan kes berdasarkan kepada spekulasi semata-mata sebaliknya perlu bersandarkan kepada keterangan. Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie (lihat perenggan 44 & 47).

[English summary

The accused was charged under s 26D of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('the Act') for allegedly having profited from the smuggling of migrants, namely 15 Myanmar nationals. Counsel for the accused raised the issue regarding the defective charge. It was based on information contained in the charges which stated that the accused profited from the smuggling of migrants, namely 15 Myanmar nationals. The charge did not state the offence smuggling of migrants as provided under s 26A of the Act. It was based on the argument that the accused had no knowledge of whether the 15 Myanmar migrants brought into the country by SP6 had been brought in legally or otherwise. The accused's lawyer insisted that the accused's presence at the scene was only as a translator for the Myanmar national who wanted to be handed over to SP2. This was because the Myanmar nationals cannot speak Malay and only the accused can speak Malay.

Held, acquit and discharge the accused without being called to defend himself:

(1) If we look at the charge, it was related to the offence of profiting from the offence of migrant smuggling. This meant that the accused had clearly been able to see when the incident happened, what type of offence was committed and this was sufficient in the court's view for the accused to make a proper defence against the charge. It was not a vague accusation, which was not clear where it happened, what the offence was, causing difficulty for the accused to present his defence. The court was of the opinion that a charge should not have irrelevant details that cause all facts, information and definitions to be included in the charge. If it was done it may cause the charge to be irregular and unclear. On the other hand, in the present case, the charge was clear and in order and it was difficult to say that it was irregular. The court disagreed with the accused's argument that the charges in the case were defective (see paras 16–17).

(2) The court found that the definition of 'migrant smuggling' was broad and should not be narrowed down. 'Profit' under s 26D of the Act does not merely refer to monetary. Rather, it covers a wider range of benefits that are not merely physical in nature. The court was of the opinion that if the prosecution needs to show that the accused has knowledge of the migrant smuggling based on the available evidence, there was no evidence that can support that the accused does not have direct knowledge or information about the migrant smuggling that will be carried out at the scene. Therefore, the court held that the accused had knowledge regarding the offence of smuggling migrants. It was added to the deposition testimony made before Raub Sessions Court judge ('SP5') which confirmed that the Myanmar nationals did not have a valid travel document. The circumstances in which the man was placed in a bus, the meeting which was made in an inappropriate place for the handover of

the Myanmar national was sufficient to state that the accused had knowledge of the migrant smuggling activities (see paras 23, 26 & 33).

(3) The court found that the evidence showing that the accused had actually enjoyed the profit was not based on the statements and explanations and conclusions made by any party. The court cannot decide a case based on mere speculation but must rely on evidence. The court found that the prosecution had failed to prove a prima facie case (see paras 44 & 47).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah bin Atan v PP and other appeals [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151, MP (dirujuk)

Dato' Seri Mohd Najib bin Abd Razak v PP [2022] 1 MLJ 137; [2021] 1 LNS 2080; [2021] MLRAU 234, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ss 2, 26A, 26D

Kanun Tatacara Jenayah ss 152, 153, 154, 155, 156, 180

Rif'ah Izzati Abdul Mutalif (Syairah Mohamad Razali bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Akmal Jusoh (Shah & Hurrie) bagi pihak tertuduh.

Roslan Mat Nor PK:

[1] Tertuduh di dalam kes ini telah dipertuduhkan dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 12 November 2019 jam lebih kurang 10.30 pagi bertempat di tepi jalan besar Simpang Tiga Tringkap, di dalam Ringlets, di Daerah Cameron Highlands, di dalam Negeri Pahang, telah mendapatkan keuntungan daripada penyeludupan migran yang diseludup iaitu lima belas (15) warganegara Myanmar migran yang diseludup seperti dalam Lampiran B dan dengan yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 26D Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

KES PENDAKWAAN

[2] Pada 12 November 2019 seorang yang bernama Encik Wong Mou Sing iaitu SP2 telah menerima panggilan telefon dari tertuduh Nicolas. Encik Wong adalah daripada Bertam Valley. SP3 dalam keterangannya menyatakan bahawa 'En Nicolas telah call bagitahu jumpa dekat Shell Ringlet, kita datang dari Bertam Valley naik *Land Cruiser* untuk mengambil Myanmar'. Ketika ditanya soalan oleh pihak pendakwaan berapakah wang yang diminta, SP2 menyatakan RM5,000.

[3] Encik Wong juga dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau memberikan wang kepada tertuduh RM5,000 tidak tahu sama ada untuk untung atau apa. Namun SP2 mengesahkan beliau telah menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh. Encik Wong menyatakan beliau datang untuk mengambil dua orang warga Myanmar namun tidak dapat disempurnakan kerana pihak polis telah membuat serbuan dan tangkapan pada tarikh tersebut. SP2 telah camkan tertuduh sebagai orang yang dimaksudkan sebagai Nicolas.

[4] Semasa pemeriksaan balas SP2 menyatakan dan mengesahkan bahawa beliau tidak tahu wang RM5,000 itu untuk siapa tetapi dapat mengesahkan bahawa beliau melihat wang tersebut telah diserahkan oleh tertuduh kepada seorang lelaki melayu. Semasa dikemukakan soalan sama ada Encik Wong ada melihat Nicolas ambil wang daripada duit tersebut, SP2 menyatakan beliau ada nampak dan juga nampak bahawa wang tersebut telah diberikan kepada lelaki Melayu tersebut. SP2 juga mengesahkan bahawa pada hari kejadian dua orang lelaki Myanmar yang patut diberikan kepada beliau telah turun daripada bas. Beliau bersetuju bahawa pada hari tersebut hanya Nicolas sahaja yang boleh berbahasa Melayu. Semasa pemeriksaan semula SP2 menegaskan bahawa bayaran RM5,000 yang dibayar kepada Nicolas adalah tujuan mendapatkan pekerja warga asing. Wang tersebut diminta oleh Nicolas, menurut SP2.

[5] Seterusnya saksi pendakwaan SP6 menyatakan berkenaan peranan tertuduh di dalam kejadian tersebut. Beliau menyatakan seperti berikut:

> 13) S: Rujuk kepada perenggan 6 penyataan saksi kamu di baris keempat yang terakhir, 'Setelah berbincang dengan Nico saya memberitahu Nico bahawa saya hendak turunkan 8 orang Myanmar di kawasan Tringkap dan saya meminta Nico supaya tunggu saya di Shell Ringlets.' Soalan saya, siapa Nico? Apa peranan dia?
>
> J: Peranan dia seorang runner. Dia macam agen juga.
>
> 14) S: Agen lah?
>
> J: Agen kepada pembeli pekerja asing.
>
> 15) S: Apa balasan yang Nico dapat menjadi agen pekerja asing ini?
>
> J: Dapatan dia itu antara dia dengan pembeli. Nico dengan pembeli, dengan agen satu lagi.
>
> 16) S: Apa yang dia dapat?
>
> J: Keuntungan.
>
> 17) S: Siapa yang bayar upah kepada Nico ini?
>
> J: Yang membeli.
>
> 18) S: Yang membeli apa?
>
> J: Membeli warga asing, PATI.

[6] SP6 dapat camkan tertuduh sebagai Nicolas yang dimaksudkan. SP6 menyatakan bahawa urusan beliau dengan tertuduh ialah apabila sampai di tempat itu Nicolas akan menguruskan berkenaan dengan lelaki-lelaki Myanmar tersebut. Semasa pemeriksaan balas SP6 mengesahkan bahawa SP2 ada menyerahkan wang RM5,000 dan Nicolas telah serahkan kesemuanya kepada SP6.

19) S: Bila keuntungan ini dibayar kepada Nico, tahu?

J: Itu saya tidak tahu, itu belakang ... itu urusan niaga dia dengan pembeli.

20) S: Berapa upah yang dia bayar kepada Nico untuk kes kita pada hari ini tahu?

J: Tak tahu, tak pasti.

21) S: Seterusnya rujuk kepada perenggan 7 dan 8, masih boleh camkan tempat kejadian di simpang tiga Ringlets berhampiran Shell?

J: Boleh.

22) S: P5(A-C) dirujuk. Tengok gambar-gambar tersebut, boleh camkan?

J: Betul tempat parking bas di simpang Ringlets ini, berdekatan dengan Shell.

Mahkamah: P5(A-C) dicamkan oleh saksi.

23) S: Rujuk kepada 5, 7 dan 8, penyataan saksi kamu. Masih boleh camkan bas nombor kenderaan NBE 1048?

J: Boleh.

[7] Seterusnya SP6 memperihalkan bagaimana keadaan pembayaran tersebut iaitu SP2 sampai di Ringlet dan berurusan dan berjumpa Nicolas, Nicolas naik ke atas bas dan membawa turun dua orang PATI warga Myanmar tersebut dan serahkan kepada SP2 dan SP2 serahkan wang kepada Nicolas dan Nicolas menyerahkan wang kepada SP6.

[8] Ketika dikemukakan soalan berkenaan sama ada Nicolas ada menerima apa-apa bayaran atau keuntungan SP6 semasa pemeriksaan balas menyatakan seperti berikut:

36) S: Jadi saya cadangkan kepada Encik Norhan yang Nicolas tidak menerima apa-apa keuntungan daripada jumlah RM5,000 bagi pembayaran dua warga asing tersebut? Senang cerita Nicolas tidak ada terima apa-apa keuntungan pun dalam RM5,000 yang dibayar itu?

J: Saya bagitahu, kalau kita buat sesuatu kerja kalau kita ada ...

37) S: Tunggu, awak tak payah jawab itu. Sekarang ini saya tanya yang RM5,000 Wong bayar untuk dua warga asing tersebut Nicolas tidak dapat apa-apa keuntungan?

J: Itu memang, macam ini ...

38) S: Tak-tak kamu jawab macam ini sahaja. Dalam RM5,000 yang Wong bayar kepada kamu Nicolas tak ambil apa-apa bahagian pun?

J : Ya memang tak adalah.

[9] Semasa pemeriksaan semula SP6 telah memberikan penjelasan tentang bagaimana pembayaran tersebut dibuat seperti berikut:

12) S: Memang Nicolas tak ada terima habuan tapi ada Encik Norhan nak bagi penjelasan. Boleh bagi sekarang?

J: Penjelasannya pada RM5,000 itu untuk dibagi dua orang. Ada balance lagi, dalam bas itu lebih kurang ada lagi 8 orang. 8 orang lagi itu dekat situ ada lagi, belum dibayar oleh ejen diaorang. Itu saya tak tahulah ada berapa lagi keuntungan saya tak tahu.

13) S: Berapa keuntungan siapa?

J: Yang ini pun saya tak tahu.

[10] Seterusnya SP3 iaitu pegawai serbuan telah menyatakan bahawa pada hari kejadian beliau telah menjalankan serbuan di tempat kejadian dan mendapati tertuduh, SP2 dan SP6 berada di tempat kejadian. Sementara itu 15 orang PATI warga Myanmar berada di dalam bas. Rampasan barang-barang kes terdiri daripada kenderaan, wang tunai dan telefon bimbit telah dilakukan oleh SP3.

[11] Sementara itu SP4 iaitu pegawai penyiasat mengesahkan bahawa semasa tangkapan dilakukan hanya wang RM5,000 sahaja yang digunakan untuk membayar dua orang warga Myanmar:

38) S: Bagaimana Inspektor?

J: Betul.

39) S: Kita cam?

J: Cam.

40) S: Bagaimana kita cam?

J: Tandatangan saya dan juga Tuan Taufiq.

41) S: Boleh kita tunjukkan kepada mahkamah tandatangan kita?

J: Boleh, ini Yang Arif. (Saksi menunjukkan kepada mahkamah)

Mahkamah: P13B dicamkan.

TPR: Seterusnya saya pohon saksi dirujuk kepada para 5.10, sejumlah wang tunai pelbagai denominasi berjumlah RM2,100.

[12] Begitu juga semasa pemeriksaan balas isu berkenaan sama ada wang yang dirampas daripada tertuduh adalah wang berasal daripada RM5,000 yang diberikan oleh SP2 kepada tertuduh telah disahkan bahawa tidak dapat dinyatakan ia adalah berpunca daripada wang RM5,000 tersebut. Wang yang dirampas daripada SP6 adalah RM17,000. SP4 mengesahkan bahawa duit RM2,100 adalah duit Norhan. Di akhir pemeriksaan semula SP4 telah memberikan penjelasan berkenaan wang RM5,000 tersebut seperti berikut:

19) S: Tadi peguam cadangkan Nicolas ini dia tidak terima apa-apa keuntungan dari aktiviti penyeludupan ini, kita tidak setuju. Boleh kita jelaskan?

J: Dalam keadaan yang sama keadaan itu bermakna Wong Mou Sing bagi RM5,000 kepada Nicolas, Nicolas bagi pada Norhan. Pada masa yang sama pasukan polis tiba-tiba tangkap. Makna urusan itu belum lagi penghabisan.

ANALISA

Pertuduhan

[13] Peguam tertuduh yang bijaksana telah membangkitkan isu berkenaan dengan pertuduhan yang cacat. Ia adalah ekoran daripada maklumat yang terdapat di dalam pertuduhan yang menyatakan bahawa mendapat keuntungan daripada penyeludupan migran yang diseludup iaitu 15 orang warga Myanmar. Di dalam pertuduhan tersebut menurut peguam tertuduh tidak menyatakan adanya kesalahan penyeludupan migran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta tersebut').

[14] Ia adalah diasaskan atas hujahan bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan sama ada 15 orang migran warga Myanmar yang dibawa masuk oleh SP6 ke negara ini secara sah atau sebaliknya. Peguam tertuduh menegaskan bahawa kehadiran tertuduh di tempat kejadian hanyalah sebagai penterjemah bagi warga Myanmar yang ingin diserahkan kepada SP2. Ini disebabkan warga Myanmar tersebut tidak boleh berbahasa Melayu dan hanya tertuduh sahaja yang boleh berbahasa Melayu.

[15] Adalah prinsip asas undang-undang bahawa tujuan pertuduhan ialah untuk memberi maklumat awal terhadap kesalahan yang dilakukan terhadap tertuduh bagi membolehkan pihak tertuduh untuk menyediakan keterangan-keterangan bagi menyanggah keterangan-keterangan yang dikemukakan bagi kesalahan yang telah diperihalkan di dalam pertuduhan tersebut. Seksyen-seksyen 152, 153, 154, 155 dan 156 Kanun Tatacara Jenayah telah menerangkan perkara-perkara yang perlu ada di dalam sesuatu pertuduhan:

152 Form of charge

(1) Every charge under this Code shall state the offence with which the accused is charged.

(2) If the law which creates the offence gives it any specific name the offence may be described in the charge by that name only.

(3) If the law which creates the offence does not give it any specific name so much of the definition of the offence must be stated as to give the accused notice of the matter with which he is charged.

(4) The law and section of the law against which the offence is said to have been committed shall be mentioned in the charge.

(5) The fact that the charge is made is equivalent to a statement that every legal condition required by law to constitute the offence charged was fulfilled in the particular case.

(6) If the accused has been previously convicted of any offence, and it is intended to prove that previous conviction for the purpose of increasing the punishment which the Court is competent to award, the fact, date and place of the previous conviction shall be stated in the charge. If the statement is omitted the Court may add it at any time before sentence is passed.

153 Particulars as to time, place and person

(1) The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

(2) When the accused is charged with criminal breach of trust or dishonest misappropriation of money it shall be sufficient to specify the gross sum in respect of which the offence is alleged to have been committed and the dates between which the offence is alleged to have been committed, without specifying particular items or exact dates, and the charge so framed shall be deemed to be a charge of one offence within the meaning of section 164:

Provided that the time included between the first and last of such dates shall not exceed one year.

(3) When the accused is charged with an offence relating to publication by electronic means, the place of publication is where the publication is seen, heard or read by any person.

154 When manner of committing offence must be stated

When the nature of the case is such that the particulars mentioned in sections 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

ILLUSTRATIONS

(a) A is accused of the theft of a certain article at a certain time and place. The charge need not set out the manner in which the theft was effected.

(b) A is accused of cheating B at a given time and place. The charge must set out the manner in which A cheated B.

(c) A is accused of giving false evidence at a given time and place. The charge must set out that portion of the evidence given by A which is alleged to be false.

(d) A is accused of obstructing B, a public servant, in the discharge of his public functions at a given time and place. The charge must set out the manner in which A obstructed B in the discharge of his functions.

(e) A is accused of the murder of B at a given time and place. The charge need not state the manner in which A murdered B.

(f) A is accused of disobeying a direction of the law with intent to save B from punishment. The charge must set out the disobedience charged and the law infringed.

155 Sense of words used in charge to describe offence

In every charge words used in describing an offence shall be deemed to have been used in the sense attached to them respectively by the law under which that offence is punishable.

[16] Persoalannya ialah adakah di dalam kes ini tertuduh boleh terkeliru dengan pendakwaan dan pertuduhan yang dikemukakan terhadap beliau. Apakah ia akan menjejaskan tertuduh bagi menyediakan pembelaan kepada pertuduhan tersebut. Sekiranya dilihat kepada pertuduhan tersebut ia adalah berkaitan dengan kesalahan mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran. Ini bermakna bahawa pihak tertuduh telah dengan jelas dapat melihat bilakah kejadian itu berlaku, apakah jenis kesalahan yang dilakukan dan ini telah mencukupi pada pandangan mahkamah untuk tertuduh membuat pembelaan yang sewajarnya terhadap pertuduhan tersebut. Ia bukannya satu pertuduhan yang kabur, yang tidak jelas di manakah kejadiannya, apakah kesalahannya sehingga menyukarkan tertuduh mengemukakan pembelaannya.

[17] Mahkamah berpendapat sesuatu pertuduhan tidak semestinya mempunyai butiran yang tidak berkaitan sehingga menyebabkan segala fakta dan maklumat dan takrifan-takrifan dimasukkan di dalam pertuduhan tersebut. Jika ini dilakukan ia mungkin boleh menyebabkan pertuduhan menjadi tidak teratur dan tidak jelas. Sebaliknya dalam kes ini pertuduhan adalah jelas dan teratur dan sukar untuk menyatakan ianya tidak teratur. Oleh itu mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan tertuduh bahawa pertuduhan di dalam kes ini adalah cacat.

Elemen kesalahan di bawah s 26D Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007

[18] Seksyen 26D Akta tersebut menyatakan seperti berikut:

26D Mana-mana orang yang mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda

A tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit, atau kedua-duanya, dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan yang daripada kesalahan itu.

B **[19]** Pihak pendakwaan dalam hujahannya menyatakan bahawa elemen yang perlu dibuktikan di bawah s 26D Akta tersebut ialah tertuduh mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran. Ini dapat dibuktikan menurut pendakwaan daripada keterangan SP2, SP3, SP4, SP6 dan SP7 yang mengesahkan bahawa tertuduh adalah merupakan ejen yang mencari pembeli pekerja warganegara Myanmar. Keterangan juga menunjukkan bahawa
C tertuduh mendapat keuntungan daripada kegiatan penyeludupan migran melalui rampasan wang berjumlah RM2,100 daripada tertuduh.

D **[20]** Sebaliknya peguam tertuduh berhujah bahawa pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan elemen kesalahan tersebut. Ini adalah disebabkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh pernah mendapat atau memperolehi apa-apa keuntungan daripada urusan penyeludupan migran warga Myanmar di dalam kes ini.

E **[21]** Adalah jelas daripada s 26D Akta tersebut bahawa elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan ialah tertuduh mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran. Jika dipecahkan s 26D Akta itu ia dapat dilihat seperti berikut:

F (a) mana-mana orang yang mendapat keuntungan; dan

(b) keuntungan tersebut adalah daripada kesalahan penyeludupan migran.

G **[22]** Dalam konteks Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 kesalahan penyeludupan migran telah dinyatakan di bawah s 26A seperti berikut:

> 26A Mana-mana orang yang menjalankan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda,
H atau kedua-duanya.

[23] Sementara itu penyeludupan migran telah diberikan takrifan di bawah s 2 Akta seperti berikut:

I ‘penyeludupan migran’ ertinya —

(a) mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan

mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah; dan

(b) merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut dalam perenggan (a).

Adalah didapati takrifan penyeludupan migran adalah luas dan tidak wajar dipersempitkan.

[24] Ini bermakna bahawa perlu dilihat sama ada terdapat keuntungan yang diperolehi daripada kegiatan penyeludupan migran tersebut. Persoalannya ialah adakah bagi membuktikan kesalahan di bawah s 26D perlu ditunjukkan terlebih dahulu bahawa terdapat keuntungan fizikal yang diperolehi oleh tertuduh di samping ditunjukkan bahawa terdapatnya kesalahan penyeludupan migran yang benar-benar telah berlaku sehingga menyebabkan tertuduh memperolehi keuntungan tersebut?

[25] Adalah didapati bahawa tiada sebarang takrifan yang diberikan kepada frasa keuntungan di dalam s 26D Akta tersebut. Ia mendorong kepada mahkamah ini melihat kepada maksud keuntungan itu di dalam Kamus Bahasa Melayu utama iaitu *Kamus Dewan* (Edisi Ke-4 Cetakan 2021) yang menyatakan keuntungan membawa maksud seperti berikut:

> Keuntungan hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan (seperti perusahaan, perniagaan, dll) yang melebihi modal dan segala perbelanjaan yang tidak berkaitan.

[26] Berdasarkan kepada takrifan Kamus Dewan frasa untung dan keuntungan itu ia tidak mencadangkan bahawa ia hanya melibatkan keuntungan kewangan semata-mata. Ia juga merujuk kepada apa-apa manfaat yang bukan dalam kewangan seperti kemudahan, faedah dan sebagainya yang tidak boleh dilihat dalam bentuk kewangan. Oleh yang demikian pada hemat mahkamah keuntungan di bawah s 26D Akta tersebut bukan hanya semata-mata merujuk kepada kewangan. Sebaliknya ia adalah meliputi manfaat yang lebih luas yang bukan dalam bentuk fizikal semata-mata.

Adakah keuntungan diperolehi oleh tertuduh?

[27] Oleh yang demikian adakah ketiadaan keterangan yang menunjukkan bahawa wang yang diperolehi daripada tertuduh dalam kes ini adalah merupakan bayaran daripada SP2 sebagai balasan kepada penyediaan dua orang warga Myanmar yang dikatakan migran oleh tertuduh menunjukkan bahawa tertuduh tidak memperolehi keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran tersebut. Ini adalah disebabkan keterangan-keterangan saksi pendakwaan menunjukkan bahawa wang RM5,000 yang dibayar oleh

SP2 kepada tertuduh telah diserahkan kesemuanya kepada SP6. Ia mencadangkan bahawa tertuduh tidak sekali-kali memperolehi apa-apa keuntungan kewangan daripada kegiatan penyeludupan migran yang melibatkan dua orang warga Myanmar tersebut. Dalam erti kata lain SP2 tidak membuat bayaran terus kepada tertuduh. Sebaliknya bayaran itu dibuat kepada SP6 melalui tertuduh. Pada masa yang sama juga didapati bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa SP2 mempunyai hubungan langsung dengan SP6. Selain itu, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa SP6 telah merundingkan harga bayaran yang perlu dibayar kepada SP6 untuk pembekalan dua orang warga Myanmar tersebut kepada SP2. Ini menunjukkan bahawa urusan yang melibatkan dua orang warga Myanmar tersebut adalah di antara SP2 dan tertuduh sehingga tertuduh menyerahkan bayaran RM5,000 kepada SP6. Tiada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa SP2 mempunyai pengetahuan bahawa wang tersebut akan dibayar kepada SP6.

[28] Namun demikian keterangan yang ada tidak dapat menolak fakta bahawa tiada pengesahan daripada SP6, SP4 dan SP3 bahawa wang yang dirampas daripada tertuduh itu adalah wang yang dibayar oleh SP2 kepada tertuduh. Malahan ada keterangan yang menyatakan bahawa wang tersebut kemungkinan kepunyaan tertuduh. Ini bermakna OKT tidak memperolehi apa-apa bayaran daripada SP2 berkenaan dengan penyediaan dua orang warga Myanmar tersebut.

[29] Oleh yang demikian persoalan yang timbul dimanakah keuntungan yang dikatakan telah diperolehi oleh tertuduh di dalam kes ini. Apakah perlu ditunjukkan secara keterangan yang jelas keuntungan tersebut. Pada masa yang sama mahkamah perlu berhati-hati kerana terdapat keterangan SP6 yang menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan apakah urus niaga berkaitan bayaran yang akan dibayar oleh SP2 kepada tertuduh. SP6 menegaskan bahawa bagaimana tertuduh boleh menjalankan urus niaga dengan SP2 tanpa sebarang keuntungan. Begitu juga keterangan pegawai penyiasat dan pegawai serbuan yang menyatakan bahawa berkemungkinan terdapat bayaran yang diperolehi oleh tertuduh di dalam ini.

[30] Mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa pandangan peribadi saksi-saksi berkenaan fakta bahawa berkemungkinan tertuduh mendapat keuntungan daripada urus niaga tersebut tidak sewajarnya dipertimbangkan oleh mahkamah. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan bahawa di dalam kes *Dato' Seri Mohd Najib bin Abd Razak v Public Prosecutor* [2022] 1 MLJ 137; [2021] 1 LNS 2080; [2021] MLRAU 234:

> [138] In any event, the general law is that the opinion of any person, even if that person is the former Attorney General, is not relevant in any court proceeding. The court forms its decision on cogent admissible evidence, not on the opinion of

others, except when such opinion is an exception to the general rule, like that of an expert. To this end, the learned trial judge was entirely correct to state that the opinion of DW14 and also DW17 cannot replace the evidence before it to arrive at a fair and just decision.

[31] Oleh yang demikian mahkamah perlu melihat kepada keterangan yang menunjukkan terdapatnya keuntungan yang dinikmati oleh tertuduh dan tidak boleh bergantung kepada perspektif saksi-saksi.

[32] Pada masa yang sama mahkamah juga perlu melihat sama ada keterangan-keterangan menunjukkan bahawa terdapatnya kesalahan penyeludupan migran. Peguam tertuduh menyatakan bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan berkenaan penyeludupan migran tersebut. Oleh yang demikian bagaimanakah beliau boleh dikatakan memperolehi keuntungan daripada kegiatan kesalahan penyeludupan migran tersebut. Malahan beliau berada di situ hanyalah sebagai penterjemah kepada warga Myanmar tersebut. Mahkamah mendapati keterangan tidak dapat menyokong bahawa beliau berada di situ semata-mata untuk membuat penterjemahan Bahasa Melayu daripada lelaki Myanmar tersebut. Ini adalah disebabkan sudah terdapat perhubungan antara SP6 dan tertuduh serta SP2 yang mana ketika itu SP2 di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau ingin mendapatkan lelaki Myanmar dan telah diminta oleh tertuduh untuk berjumpanya di tempat kejadian bagi mengambil warga Myanmar tersebut dengan membuat bayaran seperti yang dipersetujui iaitu sebanyak RM5,000. Oleh yang demikian agak sukar menyatakan bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan tentang aktiviti penyeludupan migran tersebut.

[33] Mahkamah berpendapat sekiranya pihak pendakwaan perlu menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan penyeludupan migran tersebut berdasarkan kepada keterangan yang ada, tiada keterangan yang dapat menyokong bahawa tertuduh tidak mempunyai langsung pengetahuan atau maklumat berkenaan urusan penyeludupan migran yang akan dijalankan di tempat kejadian. Ini adalah benar sekiranya, tertuduh tidak pernah berhubungan dengan SP6 dan tiada penyerahan wang daripada SP2 kepada tertuduh. Namun di dalam kes ini ia tidak sedemikian. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dengan kesalahan penyeludupan migran tersebut. Ini ditambah pula dengan keterangan deposisi yang dibuat di hadapan hakim Mahkamah Sesyen Raub (SP5) yang mengesahkan bahawa warga Myanmar tersebut, mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Selain daripada itu keadaan di mana lelaki tersebut ditempatkan di dalam sebuah bas, perjumpaan yang dibuat di tempat yang tidak sepatutnya untuk penyerahan

warga Myanmar tersebut sudah memadai untuk dinyatakan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan berkenaan dengan aktiviti penyeludupan migran tersebut.

Adakah pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie?

[34] Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah telah menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan prima facie di dalam satu perbicaraan jenayah di Mahkamah Tinggi seperti berikut:

> 180 Procedure after conclusion of case for prosecution
>
> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
>
> (3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.
>
> (4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[35] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdullah bin Atan v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 6 MLJ 727; [2020] 9 CLJ 151 menyatakan seperti berikut:

> [43] Section 180(4) of the CPC must be read in light of its context and legislative purpose. By so doing, the phrase 'credible evidence proving each ingredient of the offence' in s 180(4) means that the prosecution may prove each ingredient of the offence either:
>
> (i) by adducing credible direct evidence of that ingredient;
>
> (ii) by drawing inferences of fact, ie, adducing credible circumstantial evidence, from which the ingredient can be inferred; or
>
> (iii) by invoking presumptions of law, ie, adducing credible evidence of the relevant basic facts, to invoke a statutory presumption that the ingredient exists.
>
> [44] As to what constitutes 'a prima facie' case, the judgment of Vincent Ng J (as he then was) in *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678 at p 691; [1998] 4 CLJ 209 at p 225 is instructive. Although *Ong Cheng Heong* was decided prior to the amendment in 2006, we respectfully endorse His Lordship's views:
>
> What then constitutes a 'prima facie case'? 'Prima facie' means on the face of it or

> at first glance ... perhaps the most appropriate definition of 'a prima facie case' could be found in the *Oxford Companion of Law* (p 987), which has it as: 'A case which is sufficient for an answer. While prima facie evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, *but is not conclusive*'. It would follow that there should be credible evidence on each and every ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon, should be rejected. (Emphasis added)

At p 691 (MLJ); p 224 (CLJ), His Lordship said:

> ... to me, maximum evaluation simply means evaluation, on a prima facie basis, of each and every essential ingredient of the charge as tested in cross-examination. In other words, maximum evaluation connotes quantitative rather than qualitative evaluation of the evidence; with focus more on the evidential burden in terms of evidence led, rather than the persuasive burden in terms of qualitative degree of proof.

[36] Berdasarkan keterangan yang ada fakta yang tidak dapat dinafikan ialah tertuduh berada di tempat kejadian semasa serbuan dilakukan oleh pegawai serbuan dan tangkapan dilakukan. SP2 yang sepatutnya mendapatkan lelaki-lelaki warga Myanmar tersebut dengan bayaran RM5,000 juga berada di tempat kejadian. SP6 yang dikatakan telah menghubungi tertuduh dan telah menerima bayaran daripada tertuduh wang yang diserahkan oleh SP2 kepada tertuduh juga berada di tempat kejadian. 15 orang lelaki warga Myanmar tersebut juga berada di dalam bas yang telah dirampas oleh pegawai polis. Rampasan wang juga telah dibuat oleh pihak polis. Begitu juga dengan kenderaan bas yang membawa lelaki-lelaki warga Myanmar tersebut. Apa yang menjadi hal penting dalam kes ini ialah dimanakah keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh telah memperolehi apa-apa keuntungan dalam konteks sebarang bayaran ekoran daripada penglibatan beliau di dalam membolehkan dua orang lelaki warga Myanmar tersebut diserahkan kepada SP2. Di samping itu tiada keterangan yang menunjukkan bahawa selain daripada bayaran RM5,000 yang dibayar oleh SP2 kepada tertuduh terdapat bayaran-bayaran lain yang dibuat oleh SP2 yang melibatkan dua orang lelaki Myanmar atau mana-mana orang lain yang terdapat di dalam bas tersebut. Sekiranya ada keterangan sedemikian pasti tidak dapat dinafikan bahawa tertuduh telah mendapat keuntungan daripada kegiatan penyeludupan migran di dalam kes ini. Namun pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan bahawa tertuduh memperolehi sebarang keuntungan daripada aktiviti penyeludupan migran-migran tersebut.

[37] Mahkamah berpendapat keuntungan tersebut tidak semestinya melibatkan wang. Sekiranya terdapat keterangan bahawa tertuduh telah mendapat apa-apa manfaat dariapda tindakan beliau untuk terlibat di dalam

kegiataan penyeludupan migran dalam kes ini maka ia sudah memadai untuk menyatakan bahawa tertuduh telah menikmati keuntungan di dalam kegiatan tersebut.

[38] SP7 iaitu pegawai penyiasat menyatakan kepercayaannya bahawa wang yang diperolehi daripada tertuduh iaitu sebanyak RM2,100 itu adalah hasil daripada keuntungan jual beli migran. SP7 menyatakan seperti berikut:

77) S: Hasil siasatan Inspektor berkait dengan wang yang dirampas daripada Nicolas ini macam mana?

J: Untuk wang RM2,100 yang dirampas dari Nicolas saya percaya itu adalah hasil daripada keuntungan jual beli migran.

78) S: Kenapa Inspektor cakap percaya? Maksudnya berdasarkan apa Inspektor cakap percaya itu?

J: Tidak dinyatakan dekat mana-manapun duit itu adalah duit peribadi Nicolas.

79) S: Jadi berdasarkan kepada siasatan Inspektor ataupun bagaimana?

J: Siasatan saya.

[39] SP7 dalam keterangannya juga menjelaskan bagaimanakah beliau dapat membuat kesimpulan bahawa tertuduh mendapat hasil keuntungan:

69) S: Hasil keuntungan jual beli migran ini antara siapa dengan siapa?

J: Antara ejen dengan ejen, Nicolas dan Norhan.

70) S: Bagaimana keuntungan ini diperolehi Inspektor?

J : Keuntungan OKT ini akan berurusan dengan ejen dan setiap migran itu akan dibayar dengan harga RM2,500 seorang dan Nicolas akan berhubung dengan pembeli termasuk menempatkan migran ini. So Nicolas akan dapat keuntungan daripada pembeli itu.

71) S: Ejen yang Nicolas berhubung ini dengan siapa?

J : Norhan.

72) S: So apa hubungan antara Norhan dan Nicolas ini?

J: Sebagai ejen dan ... Nicolas ini sebagai ejen untuk mencari pembeli kepada Norhan. Norhan akan membawa migran masuk ke dalam Cameron Highlands itu.

73) S: Tadi Inspektor katakan Nicolas akan memperoleh keuntungan. Berapa keuntungan yang diperoleh oleh Nicolas ini?

J: Keuntungan yang Nicolas dapat bergantung kepada pembeli. Nicolas akan berurusan dengan pembeli itu untuk dapatkan keuntungan itu.

74) S: Jadi untuk kes kita ini berapa keuntungan yang Nicolas dapat? Ada siasat tak Inspektor?

J: Ada siasat tapi jumlah keuntungan tidak boleh ditentukan sebab Nicolas akan berhubung sendiri dengan pembeli itu.

75) S: Sebab?

J: Untuk pada hari kejadian itu, Nicolas telah menyerahkan RM5,000 kepada Norhan dan untuk upah kepada Nicolas dia akan berurusan dengan pembeli itu sendiri.

[40] Semasa pemeriksaan balas SP7 telah memberikan penjelasan berkenaan adakah wang yang diperolehi daripada tertuduh itu adalah daripada wang RM5,000 yang dibayar oleh SP2 dengan memberikan jawapan seperti berikut:

72) S: Daripada RM17,000 dan RM5,000 ada tak Nicolas terima apa-apa keuntungan?

Mahkamah: Puan, RM12,000 dan RM5,000 atau RM5,000 dan RM17,000?

Peguam: Maaf Yang Arif, RM12,000.

73) S: Maaf Inspektor RM12,000 dan RM5,000 ada tak Nicolas terima apa-apa keuntungan atau bahagian dalam jumlah itu?

J: Dia tak terima daripada situ sebab ...

74) S: Tak, maknanya daripada jumlah itu ada terima atau tidak?

J: Daripada situ tidak ada tapi dia ...

75) S: Tak. Itu sahaja. Daripada RM12,000 dan RM5,000 Nicolas tidak ada terima apa-apa bahagian keuntungan betul tak? Jawab yang itu sahaja, daripada RM12,000 dan RM5,000 ada atau tidak?

J: ...

76) S: RM12000 dah rampas daripada Norhan dan RM5,000. Daripada RM12,000 dan RM5,000 itu, Nicolas tidak ada terima apa-apa keuntungan daripada bahagian itu, betul tak?

J: Sebab Nicolas ambil duit itu daripada pembeli.

77) S: Tak. Saya tanya daripada RM5,000 dan RM12,000 ini ada tak bahagian dia?

J: Saya tak tahu dia ambil daripada RM15,000 itu ...

78) S: Tak. Daripada siasatan itu ada tak bahagian dia daripada RM12,000 dan RM5,000, jawab yang itu sahaja dulu?

J: Tidak ada.

84) S: Setuju saya katakan Wong Mou Sing tidak ada langsung menyatakan beliau membayar apa-apa wang selain RM5,000 kepada Nicolas? Ada tak Wong Mou Sing bagitahu selain RM5,000 itu dia bayar kepada Nicolas, ada tak?

J: Tidak ada.

85) S: So maknanya Wong Mou Sing memang bayar RM5,000 sahaja, betul tak?

J: Betul.

86) S: Daripada siasatan puan pun memang Wong Mou Sing tidak ada bagitahu dia ada buat bayaran lain, betul tak?

J: Betul.

[41] SP7 telah cuba menjelaskan bagaimanakah beliau boleh mengambil kesimpulan bahawa tertuduh mempunyai keuntungan daripada urusan penyeludupan migran tersebut. Ini dapat dilihat dalam pemeriksaan semula SP7 seperti berikut:

> 12) S: Kemudian peguam tanyakan berkenaan dengan setuju tak Nicolas tak terima daripada jumlah RM12,000 dengan RM5,000 ini apa-apa. Bahagian dia langsung dia tak terima. Inspektor jawab tidak setuju. Inspektor kata tak adalah daripada bahagian RM12,000 dengan RM5,000 ini, boleh jelaskan? Keuntungan yang diterima oleh Nicolas itu daripada mana?
>
> J: Keuntungan Nicolas ini dia terima daripada pembeli itu sendiri. Jadi untuk RM12,000 dan RM5,000 ini Norhan akan minta bayaran untuk setiap migran itu dengan harga RM2,500. So Nicolas akan ambil duit RM5,000 itu untuk dua migran untuk diserahkan kepada Norhan dan keuntungan Nicolas ini dia akan berunding sendiri dengan pembeli itu. Berapa jumlah yang dia minta terpulang kepada Nicolas dan pembeli itu.

[42] Bagi mengesahkan perkara ini mahkamah meneliti deposisi yang dibuat kepada 15 orang warga Myanmar yang telah dirakamkan di hadapan hakim mahkamah sesyen (SP5) bagi melihat adakah benar bahawa 15 orang warga Myanmar itu membayar bayaran kepada tertuduh. Mahkamah melihat kepada P18 tiada hal sedemikian dibuat oleh mereka kepada tertuduh. Begitu juga sekiranya mahkamah meneliti keterangan SP2 sepanjang keterangan SP2 didapati bahawa tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh ada meminta wang lain daripada SP2 melainkan RM5,000 yang telah dibayar kepada tertuduh yang diserahkan kepada SP6 dan diakui telah diterima oleh SP6. Oleh yang demikian kesimpulan yang dibuat oleh SP7 tersebut adalah didapati tidak disokong oleh mana-mana keterangan di hadapan mahkamah. Pada masa yang sama mahkamah juga meneliti keterangan SP7 apabila SP7 menyatakan kepada mahkamah ketika pemeriksaan utama bahawa SP6 juga telah dituduh di bawah seksyen yang sama dengan pertuduhan kepada tertuduh dan tidak dituduh bersama-sama.

[43] SP7 juga mengesahkan semasa pemeriksaan balas bahawa SP6 juga telah dipertuduhkan dengan pertuduhan yang sama dengan tertuduh:

> 63) S: Inspektor, untuk Norhan setuju saya katakan dia juga dipertuduhkan di bawah seksyen 26D iaitu menerima keuntungan bagi warga asing seramai 15 orang, betul tak?
>
> J: Betul.
>
> 64) S: Iaitu pertuduhan beliau adalah sama sepertimana pertuduhan terhadap Nicolas? Betul tak?
>
> J : Betul.
>
> 65) S: Setuju saya katakan pertuduhan terhadap Norhan dan pertuduhan terhadap Nicolas kedua-duanya tidak dituduh atas niat bersama, betul tak?

J: Asing.

66) S: Asingkan? Bukan atas niat bersama, betul?

J: Betul.

67) S: Jadi setuju saya katakan walaupun pertuduhan yang sama bagi keuntungan 15 orang warga asing kedua-duanya tidak dituduh atas niat bersama kerana kerana kedua-duanya tidak menerima keuntungan daripada wang diterima yang sama, betul tak?

J: Tidak setuju.

68) S: Jadi maknanya Norhan dituduh menerima keuntungan bagi wang yang diterima sebanyak RM5,000 dan RM17,000 betul tak?

J: Betul.

[44] Selain daripada itu mahkamah juga mendapati bahawa fakta tertuduh sebagai ejen kepada SP6 tidak dapat menunjukkan bahawa tertuduh menerima bayaran keuntungan atau menikmati keuntungan. Mahkamah ini tidak boleh membuat anggapan bahawa tertuduh adalah ejen maka beliau akan mendapat keuntungan seperti yang didakwa oleh SP6 dalam keterangannya. Mahkamah mendapati keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh sebenarnya telah menikmati keuntungan tersebut dan tidak berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan dan keterangan-keterangan serta kesimpulan yang dibuat oleh mana-mana pihak tanpa disokong oleh keterangan. Mahkamah tidak boleh memutuskan kes berdasarkan kepada satu spekulasi semata-mata sebaliknya perlu bersandarkan kepada keterangan.

[45] Di dalam kes ini adalah jelas bahawa wang yang ditemui dengan tertuduh adalah sebanyak RM2,100 yang mana keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak dapat menunjukkan bahawa wang tersebut mempunyai kaitan dengan urusan penyeludupan migran. Apa yang ada ialah wang tersebut diperolehi daripada tertuduh dan berkemungkinan adalah wang simpanan tertuduh. Ia hanyalah satu anggapan dan spekulasi yang tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Pada masa yang sama mahkamah juga mendapati tiada wang lain ditemui bersama dengan tertuduh yang boleh dikaitkan dengan aktiviti penyeludupan migran. Pada masa yang sama tiada juga keterangan lain yang dapat menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai atau mendapat manfaat daripada kegiatan penyeludupan migran pada masa kejadian tersebut. Namun demikian mahkamah juga perlu menimbangkan bahawa keterangan SP7 sebagai pegawai penyiasat tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Ini adalah sebagai pegawai penyiasat beliau telah meneliti dokumen-dokumen dan menemuramah saksi-saksi sehingga dapat mengemukakan kesimpulan bahawa tertuduh telah memperoleh keuntungan daripada aktiviti penyeludupan migran. Jika pandangan atau keterangan SP7 ditolak tanpa sebarang asas maka ia akan menyebab mahkamah telah menolak satu keterangan tidak dibuktikan bahawa ianya telah direkapalsu.

A **[46]** Ini bermakna penerimaan keterangan SP7 adalah penting bagi menunjukkan bahawa itulah rumusan dari siasatan yang dilakukan oleh beliau. Ia adalah sesuatu yang dibuat bukan berdasarkan kepada penelitian dokumen-dokumen dan keterangan saksi-saksi. Namun demikian satu fakta yang tidak dapat dinafikan ialah keterangan SP7 berkenaan perkara tersebut
B tidak dapat disokong dengan fakta pada hari kejadian bahawa dapat ditunjukkan wang-wang yang dirampas di tempat kejadian adalah berkaitan dengan tertuduh yang boleh dikatakan tertuduh telah mendapat keuntungan daripada aktiviti penyeludupan migran itu.

C **[47]** Akhirnya, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie. Oleh itu tertuduh dibebas dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.

Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.

D

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar

E

F

G

H

I